

17/03/1998

Kerajaan bantu semua (HL)

Shamshul Azree Samshir

KUALA LUMPUR, Isnin - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini menafikan dakwaan kononnya kerajaan hanya membantu syarikat besar milik individu tertentu yang mempunyai kaitan dengan pemimpin, dalam kegawatan ekonomi sekarang.

Menurut Perdana Menteri, bantuan kerajaan adalah menyeluruh, malah pelbagai tabung khas disediakan bagi menolong syarikat kecil dan sederhana (IKS) yang bermasalah.

Beliau berkata, walaupun ada yang mengkritik kononnya kerajaan hanya menolong syarikat besar, pelbagai tabung dibentuk bagi membantu peniaga kecil dan sederhana.

Malah, kata Dr Mahathir, beliau sendiri ke Jepun bagi menarik pelaburan dalam bidang francais sebagai salah satu cara bagi membantu peniaga kecil. Kerajaan juga mempunyai kementerian khusus untuk membantu mereka.

"Tetapi orang kata kita hanya tumpu pada konco-konco kita, konco-konco apa? Seluruh rakyat Malaysia adalah konco-konco. Kita adalah orang politik, kalau orang tak suka kita kalah.

"Kerana itu, kita menolong semua orang. Bukan orang kaya saja undi kita tetapi yang miskin juga. Jadi kita kena tolong mereka juga. Tidak ada apa yang tidak dilakukan bagi membantu orang miskin," katanya kepada pemberita selepas menerima kunjungan Presiden Vietnam, Tran Duc Luong, hari ini.

Beliau mengulas mengenai dakwaan kononnya kerajaan kini hanya berusaha menyelamatkan syarikat besar yang menghadapi masalah berikutan kegawatan ekonomi.

Perdana Menteri berkata, kerajaan bukan saja dituduh cuba menyelamatkan syarikat, malah ada pihak yang mahu melihat syarikat tempatan gulung tikar.

"Kita tidak faham kenapa tidak boleh tolong syarikat kita kalau mereka tidak melakukan kesalahan. Ini kerana apabila syarikat ini untung, 30 peratus kita punya. Kalau rugi, kerajaan tidak akan dapat hasil," ujarnya.

Menurut Dr Mahathir, Kerajaan Amerika Syarikat juga membantu syarikat besar di negara itu yang menghadapi masalah.

"Apabila syarikat Ford dan Chrysler menghadapi masalah, kerajaan memberikan mereka wang. Ketika ekonomi (Amerika) meleset dulu, kerajaannya menubuhkan pelbagai tabung bagi memastikan syarikat pulih.

"Kenapa kita di sini tidak dibenarkan membantu syarikat tempatan, bukan hanya firma besar tetapi syarikat kecil juga. Bagaimanapun, syarikat besar kita kena juga, mereka bayar cukai," katanya.

Mengenai kerugian Sime Bank Berhad, Dr Mahathir berkata kerajaan menyerahkan kepada Bank Negara Malaysia (Bank Negara) untuk mengenal pasti punca kerugian bernilai RM1.81 bilion itu.

Beliau memberi jaminan, selepas siasatan Bank Negara selesai, tindakan akan tetap diambil terhadap pihak yang didapati bersalah sehingga menyebabkan bank itu kerugian.

"Kita serah kepada Bank Negara, apa saja kajian kita akan ambil kira. Kita bukan nak buat tuduhan yang bukan-bukan. Ramai orang mengesyaki orang ini, orang itu tetapi tidak adil kalau sebelum siasatan, kita sebut nama mereka.

"Apabila kita dapati siapa yang salah, kita akan ambil tindakan," katanya.

Perdana Menteri menjelaskan, kerajaan perlu menentukan sama ada proses kelulusan pinjaman Sime Bank menjadi punca masalah kewangan yang

dihadapinya.

"Katakan ia (Sime Bank) bagi hutang dengan cukup syarat, ada rundingan dan mesyuarat lembaga... itu tak apa. Tetapi jika ia membenarkan pinjaman tanpa mengikut prosedur perbankan yang betul, itu salah dan kita harus ambil tindakan," katanya.

Ditanya kemungkinan nama individu yang bersalah akan didedahkan sebaik siasatan Bank Negara selesai, Dr Mahathir berkata:

"Sudah tentu kerana kita perlu bertindak terhadap mereka yang bersalah. (Bagaimanapun) orang pinjam duit tidak semestinya bersalah."

Menurutnya, isu kerugian Sime Bank tidak akan timbul jika mata wang negara tidak mengalami susut nilai.

"Umpamanya kalau pinjam dalam mata wang asing dan kita harap mereka boleh bayar, tiba-tiba mata wang jatuh, mereka kena cari berkali-kali ganda untuk bayar hutang.

"Kita kena ingat bukan kesalahan mereka sebenarnya tetapi kejatuhan mata wang. Ramai orang hadapi keadaan macam itu sekarang, bukan kerana mereka tidak cekap atau tipu tetapi kerana berhutang dengan harapan boleh bayar," katanya.

Perdana Menteri menyifatkan masalah yang dihadapi Sime Bank sebagai pengajaran kepada semua pihak.

"Kita sudah lama kata jangan beli saham terlalu banyak kerana ia menyebabkan penyelewengan dalam pasaran tetapi hakikatnya kerana harga saham naik, maka mereka percaya boleh bayar.

"Oleh kerana orang tertentu sengaja menjual saham supaya harga jatuh, maka orang yang dulunya mempunyai harapan mampu membayar balik saham ini, tiba-tiba tidak dapat membayar balik," katanya.

Dr Mahathir bagaimanapun tidak menolak kemungkinan suruhanjaya siasatan khas ditubuhkan untuk menyiasat kerugian Sime Bank walaupun penubuhan badan itu ketika ini masih dianggap tidak perlu.

"Siasatan (Bank Negara) itu secara terus serta berhubung amalan perbankan dan perniagaan, tidak ada apa-apa yang luar biasa," katanya sambil menambah, masalah Sime Bank tidak akan berlaku dalam keadaan biasa.

(END)